

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

YSF 501 – TELEVISYEN DAN MASYARAKAT

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No. 1** yang diwajibkan dan **SATU** soalan lain.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Tulis nota ringkas mengenai **EMPAT** daripada perkara-perkara berikut:
 - (a) "audience positioning"
 - (b) enkoding dan dekoding
 - (c) "television flow"
 - (d) panik moral (*moral panics*)
 - (e) identiti nasional
 - (f) televisyen rakyat (*citizen television*)
 - (g) mitos
 - (h) imperialisme budaya
2. Penontonan rancangan sukan boleh dikaitkan dengan keseronokan (*pleasure*) popular dan satu pengalaman sosial yang membolehkan penglibatan audiens. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan kritikan-kritikan yang dikemukakan mengenai pendekatan penggunaan dan keseronokan (*consumption and pleasure*) berhubung dengan audiens televisyen.
3. Televisyen memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kanak-kanak. Namun, seringkali televisyen lebih mementingkan strategi pasaran dalam membina rancangan kanak-kanak. Dengan merujuk kepada contoh-contoh, nilaikan permasalahan perhubungan di antara kanak-kanak dan televisyen di dalam konteks Malaysia.

4. Persoalan perlambangan yang berasaskan kajian kandungan teks diberikan perhatian yang teliti dalam banyak perbincangan mengenai televisyen dan masyarakat. Dengan merujuk kepada satu contoh perlambangan, nilaikan batasan-batasan yang terdapat pada perbincangan yang menggunakan pendekatan ini.